

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 3/2010

KADAR PREMIUM TAMBAHAN BAGI TANAH-TANAH YANG DIUBAH JENIS KEGUNAAN DAN SYARAT NYATA DI BAWAH SEKSYEN 124 KANUN TANAH NEGARA 1965

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 14/2010 yang bersidang pada 14 Julai 2010 telah meluluskan semakan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan berhubung dengan kadar premium tambahan bagi tanah-tanah yang diubah jenis kegunaan dan syarat nyata di bawah Seksyen 124 Kanun Tanah Negara 1965 melalui Kertas Bilangan 14/1574/2010(3).

2. Kadar premium tambahan sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 14/2010 adalah seperti berikut:

- a) Premium tambahan kerana pertukaran syarat nyata bagi tanah Pertanian (pertukaran jenis tanaman):
 - i. Pertukaran sebarang syarat nyata bagi tanah-tanah jenis kegunaan Pertanian dan pertukaran jenis kegunaan tanah kepada Pertanian hendaklah dikenakan premium tambahan sebanyak RM 100.00 sehektar atau sebahagian daripadanya. Bagi tanah pertanian yang keluasannya melebihi 100 hektar hendaklah dikenakan premium tambahan sebanyak RM 50.00 sehektar bagi tambahan setiap 1 hektar atau sebahagian daripadanya.
 - ii. Premium tambahan bagi mengenakan jenis kegunaan dan syarat nyata bagi mana-mana tanah yang telah dikenakan cukai tahunan mengikut kadar jenis kegunaan dan syarat nyata yang hendak dikenakan ditetapkan dengan kadar nominal sebanyak RM 100.00 setiap hakmilik.

- iii. Cara pengiraan premium (berhubung dengan unit keluasan) hendaklah mengikut peruntukan di bawah Seksyen 96 Kanun Tanah Negara 1965.
- b) Premium tambahan bagi pertukaran daripada Pertanian kepada Bangunan atau Perusahaan dan perubahan syarat di bawah jenis kegunaan tertentu kepada jenis kegunaan yang lain:

<u>Daripada</u>	<u>Kepada</u>	<u>Kadar Bayaran</u> [Peratusan atas perbezaan harga tanah mengikut jenis kegunaan sekarang dengan anggaran harga mengikut jenis kegunaan baru]
a) Pertanian	i) Semua jenis Bangunan Kediaman kurang daripada 5 buah (1 hingga 4 buah).	4 %
	ii) Semua jenis Bangunan Kediaman 5 buah atau lebih untuk dijual atau disewa.	8 %
b) Pertanian	i) Bangunan Perniagaan kurang daripada 5 buah (1 hingga 4 buah).	10 %
	ii) Bangunan Perniagaan 5 buah atau lebih untuk disewa atau dijual.	15 %

c) Pertanian	Perusahaan:	
	i) Modal kurang daripada RM300,000.00	10 %
	ii) Modal RM300,001.00 hingga RM400,000.00	15 %
	iii) Modal RM400,001.00 hingga RM500,000.00	20 %
	iv) Modal lebih daripada RM500,000.00	25 %
d) Bangunan Kediaman	Bangunan Perniagaan:	
	i) Bangunan Perniagaan kurang daripada 5 buah (1 hingga 4 buah).	5 %
	ii) Bangunan Perniagaan 5 buah atau lebih untuk dijual/disewa.	10 %
e) Bangunan Kediaman/ Perniagaan	Perusahaan:	
	i) Modal kurang daripada RM300,000.00	5 %
	ii) Modal kurang RM300,001.00 hingga RM400,000.00	8 %
	iii) Modal RM400,001.00 hingga RM500,000.00	10 %
	iv) Modal lebih daripada RM500,000.00	15 %
f) Daripada syarat nyata asal	Bangunan bertingkat yang lebih daripada 4 tingkat.	15 %

c) Jika berlaku pelanggaran syarat atau jenis kegunaan bagi tanah-tanah berkenaan, premium tambahan (sebagai denda) hendaklah dikenakan sebagai tambahan kepada jumlah premium perubahan syarat yang dikenakan mengikut kadar sepertimana di perenggan 2(b). Asas perkiraannya hendaklah berdasarkan kepada anggaran harga bangunan yang terlibat dengan pelanggaran syarat, iaitu tidak termasuk bangunan-bangunan yang dibenarkan di bawah Seksyen 115(1)(a) Kanun Tanah Negara 1965.

d) Premium denda pelanggaran syarat dan jenis kegunaan adalah seperti berikut:

<u>Daripada</u>	<u>Kepada</u>	<u>Kadar Bayaran</u> [Peratus daripada harga bangunan yang terlibat dengan pelanggaran syarat]
a) Pertanian	i) Bangunan Kediaman	2.5 %
	ii) Bangunan Perniagaan	5 %
	iii) Perusahaan	10 %
b) Bangunan Kediaman	i) Bangunan Perniagaan	2.5 %
	ii) Perusahaan	5 %
c) Bangunan Perniagaan	i) Perusahaan	2.5 %

e) Premium denda bagi pelanggaran syarat (jenis tanaman) di bawah jenis kegunaan pertanian ditetapkan sebanyak satu (1) kali ganda daripada premium perubahan syarat (jenis tanaman) yang dikenakan.

- f) Kadar premium tambahan dan premium denda ini hendaklah diguna pakai ke atas semua jenis permohonan dan kelulusan yang melibatkan pertukaran syarat dan jenis kegunaan tanah seperti permohonan di bawah Seksyen 124A dan Seksyen 204A Kanun Tanah Negara 1965.
- g) Pekeliling-Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 1 Tahun 1971, Bilangan 1 Tahun 1972, Bilangan 7 Tahun 1976, Bilangan 3 Tahun 1978 dan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dengan ini **DIBATALKAN** dan diganti dengan Pekeliling ini.
3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 14/2010 sebagaimana yang telah ditetapkan.

(DATO' HAJI ISMAIL BIN SAMAH)

Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

KEPADA :

Yang Amat Berusaha / Yang Mulia,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Seri Setia Raja Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN.**

**FAIL : PTG.KN.44/85 JLD.3(8)
BERTARIKH : 16 RAMADHAN 1431H
26 OGOS 2010.**